

Usaha penuhi sumber makanan

UPM bakal membangunkan 'Center For Food Security'

JANATUL FIRDAUS YAACOB
FOTO: AZMI ARYANTO

SERDANG- Universiti Putra Malaysia (UPM) akan membangunkan 'Center for Food Security' iaitu sebuah pusat penyelarasan bidang pertanian bandaran, keselamatan makanan dan memperkasakan kepentingan pertanian.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramli berkata, hasrat penubuhan itu sejajar dengan tuntutan kerajaan untuk memenuhi sumber makanan negara ini memandangkan berlaku peralihan demografi di mana sebanyak 72 peratus penduduk negara ini tinggal di kawasan bandar dan persekitaran bandar.

Mohd Fauzi berkata, senario itu menyebabkan usaha memenuhi sumber makanan menjadi kritikal dan perlu diberi perhatian termasuk dalam aspek keselamatan menerusi pembangunan pusat keselamatan itu di



Sultan Sharafuddin (kanan) menyampaikan Anugerah Fellowship Naib Canselor Kategori Perkhidmatan Profesional kepada seorang penerima.

UPM nanti.

"UPM dan Serdang dahulunya dikatakan pertanian, namun kini bukan sekadar pertanian tetapi kita kena pergi kepada pengeluaran makanan.

"Makanan bukan hanya makanan, malah perlu dilihat juga keselamatan makanan dan ini usaha UPM untuk menjadi pusat bertaraf kebangsaan pusat keselamatan makanan dan

segala bidang berkaitan keselamatan makanan akan tertumpu kepada UPM," katanya ketika ditemui selepas Majlis Gemilang Akademia Putra 2012 di UPM semalam.

Pada majlis itu, Canselor UPM, Sultan Sharafuddin Idris Shah mencemar duli menyampaikan Anugerah Fellowship Naib Canselor kepada 16 penerima yang terbahagi kepada tiga kategori pengajaran iaitu penyelidikan dan inovasi, perkhidmatan profesional serta seni dan kreativiti.

Sultan Sharafuddin turut menyampaikan Anugerah Perunding Cemerlang kepada Pensyarah Fakulti Kejuruteraan UPM, Prof Madya Dr Mohd Fadlee A Rasid dan Anugerah Khas Akademia Putra kepada dua orang bekas Naib Canselor UPM, Prof Tan Sri Dr Nik Mustapha R Abdullah dan Prof Datuk Ir Dr Radin Umar Radin Sohadi.

Mohd Fauzi berkata, usaha itu turut disokong dengan penubuhan

University Community Response Team (URCT), kumpulan pakar yang akan turun padang bagi memastikan isu-isu berkaitan komuniti yang mana universiti mempunyai kepakaran akan dapat ditangani secara holistik dengan perancangan jangka pendek dan panjang.

"Satu usaha lagi ialah menjadikan Serdang sebagai 'Food Valley' yang menggabungkan kepakaran dan idea seluruh agensi pertanian yang ada di bumi Serdang ini," katanya.

Beliau berkata, geran bernilai RM2.4 juta iaitu masing-masing daripada dana universiti itu sendiri dan daripada kerajaan menerusi Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) diperuntukkan bagi merealisasikan hasrat itu.

Dalam perkembangan sama, Mohd Fauzi berkata, menerusi pusat keselamatan makanan itu juga UPM akan mampu menjadi pemain utama dalam sektor halal di negara ini.